

PENGURUSAN RISIKO DALAM AKTIVITI PERKHEMAHAN: KAJIAN PENGALAMAN PELAJAR DALAM MENGHADAPI RISIKO ALAM SEMULA JADI

RISK MANAGEMENT IN CAMPING ACTIVITIES: A STUDY OF STUDENTS' EXPERIENCES IN FACING NATURAL RISKS

Mohd Azmi bin Juan^{1*}
Dr. Dicky Wiwittan Toto Ngadiman¹

¹ Politeknik Tawau Sabah
(E-mail: mohdazmi@politawau.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2025
Revised date : 16-2-2025
Accepted date : 24-3-2025
Published date : 15-4-2025

To cite this document:

Juan, A., & Ngadiman, D. W. T. (2025). Pengurusan risiko dalam aktiviti perkhemahan: Kajian pengalaman pelajar dalam menghadapi risiko alam semula jadi. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 8 (26), 516-423.

Abstrak: Aktiviti perkhemahan sering menjadi pilihan dalam program kokurikulum bagi pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Namun, risiko yang berkaitan dengan alam semula jadi seperti hujan lebat, banjir kilat, tanah runtuh, serangan haiwan liar, dan perubahan cuaca yang ekstrem boleh memberi ancaman kepada keselamatan pelajar. Kekurangan persediaan dan pengetahuan dalam menguruskan risiko ini boleh menyebabkan kecederaan atau kejadian yang tidak diingini. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap pengurusan risiko dalam aktiviti perkhemahan dalam kalangan pelajar Politeknik Tawau Sabah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik 5-likert dan diedarkan kepada pelajar secara rawak menggunakan google form. Seramai 211 orang pelajar telah menjawab borang soal selidik. Hasil analisis menunjukkan bahawa pengetahuan pelajar mengenai pengurusan risiko adalah pada tahap yang sederhana. Berdasarkan min tertinggi, dapatan kajian menunjukkan bahawa sebarang penganjuran aktiviti luar perlu menyediakan peralatan keselamatan yang mencukupi bagi mengelak sebarang risiko berlaku semasa aktiviti dilakukan. (Min: 4.123) Kajian ini penting bagi memberikan kesedaran kepada pelajar tentang pentingnya mempunyai pengetahuan dalam pengurusan risiko sebelum melakukan aktiviti luar sekaligus dapat mengurangkan risiko kemalangan semasa melakukan aktiviti.

Kata Kunci: Pengurusan risiko, Perkhemahan, Alam semula jadi

Abstract: Camping activities are often an option in co-curricular programs for school students and higher education institutions. However, risks related to nature such as heavy rain, flash floods, landslides, wild animal attacks, and extreme weather changes can threaten student safety. Lack of preparation and knowledge in managing these risks can cause injuries or unwanted incidents. Therefore, this study was conducted to identify the level of risk management in camping activities among students of Tawau Sabah Polytechnic. This study used a 5-likert questionnaire and was distributed to students randomly using google forms. A total of 211 students answered the questionnaire. The results of the analysis showed that

students' knowledge of risk management was at a moderate level. Based on the highest mean, the study findings showed that any organization of outdoor activities must provide adequate safety equipment to avoid any risks occurring during the activity. (Mean: 4.123) This study is important to provide awareness to students about the importance of having knowledge in risk management before doing outdoor activities as well as reducing the risk of accidents while doing activities.

Keywords: Risk management, Camping, Nature

Pengenalan

Aktiviti perkhemahan merupakan salah satu bentuk rekreasi luar yang semakin popular dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Aktiviti ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk mendekati alam semula jadi, tetapi juga membina kemahiran insaniah seperti kepimpinan, daya tahan, dan kerja berpasukan. Selain itu, kepentingan yang akan diperoleh para pelajar ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan dan dapat menimba pengalaman baru. Walau bagaimanapun, aktiviti perkhemahan juga berdepan dengan pelbagai cabaran, terutamanya risiko yang berkaitan dengan faktor alam sekitar seperti hujan lebat, banjir kilat, tanah runtuh, serangan haiwan liar, dan perubahan cuaca yang ekstrem. Jika tidak ditangani dengan baik, risiko ini boleh menjejaskan keselamatan peserta dan mengakibatkan kecederaan atau kejadian yang tidak diingini. Satu kejadian yang pernah berlaku pada tahun 2022 adalah tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm, Batang Kali. Kejadian ini melibatkan 92 mangsa, dengan 61 daripadanya terselamat manakala 31 lagi terkorban, selepas berlaku runtuh tanah hingga menimbus kawasan perkhemahan. (Astro Awani, 2022).

Pengurusan risiko dalam aktiviti perkhemahan merupakan aspek yang sangat penting bagi memastikan keselamatan peserta. Menurut Abidah et. al (2014) pengurusan risiko memainkan peranan penting dalam pendidikan luar bagi memastikan setiap program dijalankan dalam persekitaran yang selamat. Risiko merupakan elemen utama yang diterapkan dalam program ini untuk membina keupayaan fizikal dan mental individu. Justeru, pendidikan luar seharusnya dijadikan medium utama dalam mendidik pelajar, pendidik, dan pentadbir mengenai teknik-teknik pengurusan dan pengendalian risiko dalam pelaksanaan program. Selain itu, Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun, Norlena Salamuddin. (2015) turut menyatakan bahawa amalan pengurusan risiko merupakan komponen penting dalam penganjuran dan pengurusan aktiviti sukan serta rekreasi. Ia memainkan peranan yang signifikan dalam mempertingkatkan kesejahteraan hidup masyarakat dengan membentuk individu yang selamat, sihat dan cergas. Setiap aktiviti yang dijalankan serta kemudahan yang disediakan perlu memastikan keselamatan sepenuhnya, bebas daripada sebarang insiden kemalangan yang berpotensi menyebabkan kecederaan sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperuntukkan sejumlah besar dana setiap tahun bagi melaksanakan aktiviti pembangunan kapasiti warga KPM. Bagi memastikan pembangunan profesional warga KPM terus berjalan meskipun berdepan gangguan atau ketidakpastian luar jangka, aktiviti ini perlu dilaksanakan dengan berkesan. Penguasaan kemahiran dalam pengurusan risiko akan membantu menyelaraskan tindakan sebagai kawalan dalaman melalui langkah-langkah pencegahan dan pemulihan untuk mengatasi sebarang masalah atau kelemahan yang timbul. (Md Rahaimi Rashid@Yaacob, Marzita Abu Bakar, Wan Zaliha Othman, Mahathir Fansuri Azizan)

Pengurusan risiko memainkan peranan penting dalam mempengaruhi dan memberi kesan terhadap tahap keselamatan, malah boleh menyumbang kepada berlakunya kecederaan. Peningkatan kadar kemalangan dalam persekitaran sukan dan rekreasi boleh membawa impak negatif kepada industri. Trend kenaikan ini telah menjejaskan industri, yang berkemungkinan menyebabkan kemerosotan disebabkan oleh penurunan permintaan terhadap aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Walaupun terdapat garis panduan keselamatan yang disediakan oleh pihak berkuasa dan organisasi rekreasi, tahap kesedaran dan persediaan dalam kalangan peserta perkhemahan masih menjadi isu utama. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pengalaman pelajar dalam menghadapi risiko alam semula jadi semasa perkhemahan serta mengenal pasti tahap kesedaran dan persediaan mereka dalam menguruskan risiko tersebut.

Kajian ini juga penting dalam membantu pihak penganjur merangka strategi yang lebih berkesan dalam pengurusan risiko aktiviti perkhemahan. Melalui pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh peserta, langkah-langkah pencegahan yang lebih sistematik dan komprehensif dapat dicadangkan bagi meningkatkan keselamatan aktiviti ini. Dengan itu, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan keselamatan dan keberkesanan program perkhemahan di institusi pendidikan dan organisasi rekreasi di Malaysia.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah bagi mengenal pasti tahap pengurusan risiko dalam aktiviti perkhemahan dalam kalangan pelajar Politeknik Tawau Sabah

Sorotan Kajian

Pengurusan risiko telah mula dibangunkan sebagai satu konsep sejak tahun 1950-an dan pada awalnya diterapkan dalam aktiviti yang berkaitan dengan program angkasa lepas, sektor kewangan, serta tenaga nuclear (Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun, Norlena Salamuddin, 2015). Adalah amat penting untuk memberikan pendedahan kepada peserta mengenai formula Kemalangan Dinamik sebelum sesuatu aktiviti dijalankan. Melalui pemahaman ini, peserta akan lebih sedar bahawa tingkah laku mereka memainkan peranan langsung dalam mengurangkan risiko berlakunya kemalangan (Salleh, 2009). Menurut Pirontha Kalaiselvan, Megat Ahmad Kamaluddin bin Megat Daud (2021) menyatakan pengurusan risiko ialah satu proses yang dijalankan secara sistematik dan berterusan untuk mengenal pasti, menilai, mengurus serta meminimumkan risiko kemalangan dan kecederaan. Ia menjadi topik yang hangat diperkatakan di peringkat global kerana melibatkan aspek keselamatan individu.

Menurut Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Sabri Haron, Suhada Ishak. (2021), pengurusan risiko adalah salah satu komponen penting dalam tadbir urus yang baik serta berperanan dalam memastikan pencapaian objektif dan matlamat sesebuah institusi.

Menurut literatur ilmiah dalam bidang risiko, pengurusan risiko merujuk kepada satu pendekatan menyeluruh yang bersifat proaktif dalam melaksanakan sesuatu program, sebagai langkah menghadapi kemungkinan berlakunya kegagalan sepanjang pelaksanaan program tersebut. (Nasriyah Nazair, Mohd Ikhwan Toriman & Frankie Marcus Ata, 2023). Selain itu, penanaman semangat cintakan alam sekitar (*ecocentric*) telah lama menjadi fokus utama yang diperjuangkan oleh pihak kerajaan serta badan bukan kerajaan (NGO). Pelbagai silibus dan kurikulum telah dirancang bagi memupuk kesedaran serta sikap positif dalam usaha menjaga dan memelihara kelestarian alam sekitar. (Mazuki Mohd Yasim, Md Amin Md Taff, Jaffry

Zakaria, Benderi Dasril, Salwani Hassan (2007)). Menurut Jaffry et. al (2015) aktiviti sukan dan rekreasi sememangnya tidak dapat dielakkan daripada terdedah kepada pelbagai isu keselamatan, sama ada sebelum, semasa, mahupun selepas aktiviti dijalankan. Penerapan amalan positif mampu mencegah berlakunya kemalangan yang boleh menyebabkan kecederaan kepada peserta. Pengurusan risiko merupakan elemen penting yang perlu diberi perhatian dalam penganjuran dan pengendalian aktiviti sukan dan rekreasi. Kepentingan elemen ini jelas dalam usaha meningkatkan kesejahteraan masyarakat serta melahirkan individu yang selamat, sihat dan cergas. Oleh itu, setiap aktiviti dan kemudahan yang disediakan perlulah berada dalam keadaan selamat dan bebas daripada sebarang risiko yang boleh mendatangkan kecederaan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tambahan lagi, satu kajian yang dijalankan oleh Ahmad Farid AR, Haidar Rizal T (2009) mengenai Pengurusan Risiko dalam pengurusan kesihatan mendapati bahawa aktiviti pengurusan risiko telah diamalkan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan. Ia bukanlah satu bentuk yang baharu, sebaliknya merupakan tindakan situasi berdasarkan isu-isu tertentu. Malah, ia berlaku dalam mana-mana organisasi – sama ada awam atau swasta. Perhatian yang lebih mendalam dalam bidang ini telah mendorong kepada pembangunan pelbagai model pengurusan risiko termasuk beberapa piawaian dan garis panduan pentadbiran. Kajian yang dijalankan oleh Pirontha Kalaiselvan dan Megat Ahmad Kamaluddin bin Megat Daud (2021) turut menyatakan bahawa tahap pengurusan risiko dalam kalangan guru sekolah rendah daerah Sepang adalah pada tahap yang tinggi sekaligus memperlihatkan pengurusan risiko dalam kalangan guru bagi aktiviti rekreasi adalah sangat baik. Melalui kajian ini dapat kita lihat pengetahuan pengurusan risiko dalam kalangan pendidik adalah sangat penting bagi mengelakkan daripada berlakunya sebarang kemalangan dalam PdP. Menurut Muhammad Syakir Sulaiman, M.Adli. Mohd Sidi, Mohd Faez Ilias, Mohd Amin Mohd Noh, 2019 amalan pengurusan risiko dalam sukan menekankan empat komponen utama dalam proses pengurusan, iaitu pengenalanpastian, penilaian, pemilihan, dan pelaksanaan operasi.

Selain itu, melalui kajian Maryati Y et. al (2016) menyatakan bahawa pelbagai pendekatan telah dibangunkan sebagai panduan dalam melaksanakan pengurusan risiko, khususnya dalam proses mengenal pasti risiko. Namun demikian, penggunaan senarai semak risiko dianggap sebagai kaedah yang paling praktikal, terutamanya bagi pengamal dalam industri.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan 211 orang pelajar dari Politeknik Tawau, Sabah sebagai sampel kajian. Menurut Krejchic dan Morgan (1970), saiz sampel yang dicadangkan adalah berdasarkan jumlah populasi. Bagi PTS, jumlah pelajar yang berstatus Aktif dan Aktif Latihan Industri adalah sebanyak 391 orang. Justeru itu, jumlah sampel sesuai bagi kajian ini adalah sebanyak 196 orang. Instrumen kajian yang digunakan adalah soal selidik berasaskan skala Likert 5 mata, yang dibina sendiri oleh penyelidik. Kebolehpercayaan instrumen telah diuji dan memperoleh nilai Cronbach's Alpha sebanyak 0.887, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang tinggi. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan analisis deskriptif. Pengukuran tahap dalam kajian ini adalah berdasarkan nilai min, di mana skor min diterjemahkan kepada tahap tertentu seperti yang dicadangkan oleh Ngadiman et al. (2019), iaitu 1.00–1.99 (Lemah), 2.00–2.99 (Rendah), 3.00–3.99 (Sederhana), dan 4.00–5.00 (Tinggi).

Hasil Kajian

1. Latar Belakang Responden

Berdasarkan kepada Jadual 1, majoriti responden terdiri daripada perempuan (69.2%) berbanding lelaki (30.8%). Dari segi program pengajian, majoriti pelajar mengikuti program DUP (55.0%) berbanding DRT (45.0%). Kebanyakan responden berada di semester dua (40.3%), diikuti oleh semester empat (26.5%) dan semester satu (14.2%). Dari segi pencapaian akademik, majoriti pelajar mempunyai HPNM dalam lingkungan 3.00 – 3.33 (27.0%) dan 3.43 – 3.67 (27.0%). Dari aspek kediaman, kebanyakan pelajar menetap di kolej kediaman (87.2%). Sumber utama kewangan pelajar bergantung kepada ibu bapa (61.6%), dengan sebahagian mendapatkan pinjaman (25.6%) dan biasiswa (10.4%). Selain itu, sebahagian besar ibu bapa responden mempunyai pendapatan kurang daripada RM2,500 (64.0%), menunjukkan kebanyakan pelajar berasal dari keluarga berpendapatan rendah.

2. Analisis Pengalaman Pelajar dalam Menghadapi Risiko Alam Semula Jadi

Jadual 1: Hasil Analisis SPSS

No	Item	SP	Min	Tahap
E1	Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi mengenai risiko alam semula jadi semasa aktiviti luar.	0.797	3.578	Sederhana
E2	Saya memahami langkah-langkah keselamatan asas untuk menghadapi risiko alam semula jadi.	0.805	3.744	Sederhana
E3	Saya membawa peralatan keselamatan seperti kit kecemasan, lampu suluh, dan pakaian sesuai semasa aktiviti luar.	0.854	3.735	Sederhana
E4	Saya mengetahui lokasi tempat perlindungan sekiranya berlaku kecemasan semasa aktiviti luar.	0.884	3.555	Sederhana
E5	Saya pernah berhadapan dengan serangan haiwan liar atau serangga berbahaya semasa berkhemah atau aktiviti luar.	1.129	3.038	Sederhana
E6	Saya berasa panik dan tidak tahu apa yang perlu dilakukan apabila berhadapan dengan risiko alam semula jadi.	1.069	3.062	Sederhana
E7	Saya sentiasa mengikut arahan keselamatan yang diberikan oleh penganjur atau ketua kumpulan.	0.884	4.095	Tinggi
E8	Saya percaya bahawa perancangan yang teliti sebelum aktiviti luar dapat mengurangkan risiko yang dihadapi.	0.918	4.123	Tinggi
E9	Pihak penganjur perlu menyediakan peralatan keselamatan yang mencukupi dalam setiap aktiviti luar.	0.896	4.147	Tinggi
E10	Saya bersedia untuk menyertai kursus tambahan mengenai pengurusan risiko dalam aktiviti luar.	0.914	3.943	Tinggi

Berdasarkan jadual 2 di atas, Analisis kajian menunjukkan bahawa tahap kesedaran dan pematuan terhadap langkah keselamatan dalam kalangan peserta perkhemahan adalah tinggi. Item "Saya sentiasa mengikut arahan keselamatan yang diberikan oleh penganjur atau ketua kumpulan" mencatatkan skor kebolehppercayaan 0.884 dengan min 4.095, menunjukkan bahawa kebanyakan peserta cenderung mematuhi arahan keselamatan yang ditetapkan. Selain itu, item "Saya percaya bahawa perancangan yang teliti sebelum aktiviti luar dapat mengurangkan risiko yang dihadapi" memperoleh nilai kebolehppercayaan tertinggi (0.918) dengan min 4.123, yang menegaskan kepentingan persiapan awal dalam mengurangkan risiko. Di samping itu, item "Pihak penganjur perlu menyediakan peralatan keselamatan yang mencukupi dalam setiap aktiviti luar" turut mencatatkan skor kebolehppercayaan 0.896 dengan min 4.147, menunjukkan bahawa peserta mempunyai jangkaan tinggi terhadap tanggungjawab penganjur dalam menyediakan kelengkapan keselamatan yang mencukupi. Dapatan ini mencerminkan kesedaran tinggi dalam kalangan peserta terhadap aspek keselamatan, serta kepentingan peranan penganjur dalam memastikan persekitaran perkhemahan yang selamat.

Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa pengurusan risiko dalam aktiviti luar adalah amat penting. Penyediaan peralatan keselamatan yang mencukupi dalam setiap aktiviti luar mampu mengurangkan terjadinya risiko. Kesedaran terhadap pengurusan risiko dalam setiap pelajar juga perlu agar keselamatan diri dapat terjaga ketika melakukan sebarang aktiviti rekreasi samada di institusi mahupun diluar kawasan.

Hasil kajian mendapati bahawa penyediaan peralatan yang mencukupi, perancangan yang baik dan sentiasa mengikut arahan semasa aktiviti luar adalah kunci utama dalam mengurangkan risiko daripada berlaku.

Kajian ini dapat memberikan implikasi yang positif terhadap organisasi dan individu/masyarakat iaitu kepada organisasi seperti dapat mengenalpasti potensi risiko yang boleh berlaku semasa perancangan aktiviti luar, mengurangkan kos bagi penyelenggaraan sesuatu peralatan akibat kegagalan peralatan tersebut dan mengelakkan organisasi daripada tindakan undang-undang akibat kecuaiannya semasa aktiviti luar dijalankan. Selain itu, implikasi terhadap individu/masyarakat adalah dapat meningkatkan pemahaman individu mengenai risiko yang mereka hadapi dalam kehidupan seharian dan mampu mengurangkan kesan risiko terhadap aktiviti yang dibuat seterusnya mampu membuat penilaian sebelum melakukan sebarang aktiviti rekreasi.

Rujukan

- Astro Awani. (2022). Tanah runtuh Batang Kali: Kejadian kedua terbesar melibatkan jumlah mangsa maut. Astro Awani. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tanah-runtuh-batang-kali-kejadian-kedua-terbesar-libatkan-jumlah-mangsa-maut-398840>
- Abidah Ainah Binti Mohamed @ Jamal , Ahmad Bin Esa. (2014). Pengurusan Risiko Menerusi Program Khidmat Masyarakat: Sorotan Literatur. *International Seminar on Technical and Vocational Education 2014 (TVEIS 2014)*, 178-725.
- Ahmad, A. (2019). Kesedaran terhadap amalan pengurusan risiko aktiviti rekreasi "Zipline" dalam Program Bina Insan Guru. *ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education*, 3(2), 1-10.
- Ahmad Farid AR, Haidar Rizal T, Jamsiah M, Khalib AL. (2009). PENGURUSAN RISIKO : SATU DIMENSI DALAM PENGURUSAN KESIHATAN. *Journal of Community Health 2009: Vol 15 Number 2*.
- SALLEH, S. B. (2009, Mac 11). *PENGURUSAN KESELAMATAN REKREASI LUAR*. Retrieved from Kembara Kedah: <https://kembarakedah.blogspot.com/2009/03/pengurusan-risiko.html>
- Pirontha Kalaiselvan, Megat Ahmad Kamaluddin bin Megat Daud . (2021). PENGURUSAN RISIKO DALAM PELAKSANAAN KOKURIKULUM MURID SEKOLAH RENDAH DAERAH SEPANG. *JURNAL KEPIMPINAN PENDIDIKAN*.
- Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahaman, Salmy Edawati Yaacob, Mohamad Sabri Haron, Suhada Ishak. (2021). Pengurusan Risiko Menurut Perspektif Syarak: Satu Kajian Tinjauan Di Institusi Wakaf Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) Terpilih. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 100-113.
- Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun, Norlena Salamuddin. (2015). PERANAN AMALAN PENGURUSAN RISIKO TERHADAP PERKEMBANGAN AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DALAM MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN HIDUP MASYARAKAT. *ResearchGate*.
- Mazuki Mohd Yasim, Md Amin Md Taff, Jaffry Zakaria, Benderi Dasril, Salwani Hassan. (2007). PERKHEMAHAN PENDIDIKAN LUAR SEBAGAI AGEN PEMUPUKAN SEMANGAT. *Seminar Kebangsaan Geografi UPSI 2007*, 8-9.
- Muhammad Syakir Sulaiman, M.Adli. Mohd Sidi, Mohd Faez Ilias, Mohd Amin Mohd Noh. (2019). KESEDARAN TERHADAP AMALAN PENGURUSAN RISIKO AKTIVITI REKREASI "ZIPLINE" DALAM PROGRAM BINA INSAN GURU . *Malaysian Online Journal of Education* , 29-38
- Siti Fatimah Abdullah, Maryati Mohd Yusof, Dian Indrayani Jambari. (2016). Model Pengurusan Risiko Perancangan Sistem Maklumat di Sektor Awam. *Jurnal Pengurusan* 48(2016) 149 – 160, 149-160
- Ngadiman, D. W. T., Yacoob, S. E., & Wahid, H. (2019). Tahap Harga Diri Kumpulan Berpendapatan Rendah yang Berhutang dan Peranan Organisasi dalam Sektor Perladangan. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(2), 238-254.
- Robert V. Krejcie and Daryle W. Morgan. (n.d.). *Sage Journals*. Retrieved from Determining Sample Size for Research Activities: <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/001316447003000308>
- Md Rahaimi Rashid@Yaacob, Marzita Abu Bakar, Wan Zaliha Othman, Mahathir Fansuri Azizan. (n.d.). KEPENTINGAN KEMAHIRAN PENGURUSAN RISIKO DALAM KALANGAN PEMIMPIN PENDIDIKAN DAN IMPLIKASINYA KEPADA PEMBANGUNAN KAPASITI YANG BERKESAN . Retrieved from KEPENTINGAN KEMAHIRAN PENGURUSAN RISIKO DALAM KALANGAN PEMIMPIN

PENDIDIKAN DAN IMPLIKASINYA KEPADA PEMBANGUNAN KAPASITI YANG BERKESAN

- Jaffry Zakaria, Mohd Taib Harun, Norlena Salamuddin. (2015). PERANANAMALANPENGURUSANRISIKOTERHADAP PERKEMBANGANAktivitisukandanREKREASIDALAM MENINGKATKANKESEJAHTERAANHIDUPMASYARAKAT. *ASEAN Comparative Education Research Network Conference 2015 7-8 Oktober 2015, Malaysia*.
- Pirontha Kalaiselvan, Megat Ahmad Kamaluddin bin Megat Daud. (2021). PENGURUSAN RISIKO DALAM PELAKSANAAN KOKURIKULUM MURID SEKOLAH RENDAH DAERAH SEPANG. *JURNAL KEPIMPINAN PENDIDIKAN*